

**SOALAN NO: 355**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[BACHOK]**

**RUJUKAN : DR049**

**SOALAN :**

**TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [Bachok] minta MENTERI  
SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan 10 kawasan paling  
terancam alam sekitarnya serta usaha yang telah dibuat.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak kerajaan telah mengenalpasti kawasan-kawasan yang perlu dilindungi daripada pencemaran marin melalui pengelasan sebagai kawasan sensitif alam sekitar. Antara kawasan-kawasan yang dikenalpasti sering berlaku kejadian pencemaran minyak adalah kawasan yang terletak di selatan Semenanjung Malaysia, terutamanya kawasan yang berhampiran dengan Pelabuhan Singapura serta kawasan perairan timur Semenanjung Malaysia terutamanya kawasan perairan di negeri Pahang dan negeri Terengganu.

Berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar, perairan negeri Pahang dan Terengganu mengalami pencemaran berulang yang melibatkan *tarball*, terutamanya pada bulan Januari sehingga Mac. Ini disebabkan oleh aktiviti perkapalan oleh kapal-kapal dagang yang melalui Selat Melaka dan Laut China Selatan yang meningkatkan risiko tumpahan minyak di kawasan tersebut.

Antara usaha yang telah dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar adalah melalui kerjasama dengan agensi-agensi Negeri serta pihak-pihak yang berkepentingan melalui pembersihan pantai-pantai yang dicemari dengan minyak atau "*tarball*" serta telah dilupuskan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Jabatan Alam Sekitar juga bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan maritim seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Laut Malaysia dalam melaksanakan penguatkuasaan marin secara berkala.

Sekian, terima kasih.